

# Airmata buaya Abdullah kerana Proton!

Terjemahan artikel asal Abdullah  
sheds crocodile tears over Proton

Oleh: MGG Pillai

Suara Keadilan - 2-16/3/2006

**A**bdullah Badawi berkata bahawa Proton memerlukan satu rakan niaga daripada negara asing sejurus selepas kerajaan beliau menyekat usaha satu pihak asing bergabung dengan syarikat pembuat kereta itu.

Penasihat Proton yang juga orang yang mengasaskan penubuhan syarikat itu, Tun Mahathir Mohammad, naik marah sangat apabila 'bakal' rakan asing Proton iaitu Volkswagen, menarik diri daripada rencana usahasama sehinggakan beliau memulangkan semula kereta VW yang dihadihkan kepadanya. Barulah diketahui sekarang betapa wujud satu urusan yang memberikan keuntungan kepada pihak swasta tertentu dan bukannya negara yang sepatutnya dan kerana itu Proton rugi.

Syarikat kereta itu (VW) berundur setelah muncul satu syarikat yang direstui oleh seorang menteri yang terkenal kerana pelahap dan rakus bernama Datuk Seri Rafidah Aziz. Syarikat milik anak saudara lelaki dan perempuan Rafidah telah diberikannya AP yang secukupnya untuk membawa masuk VW daripada luar negara tanpa pengetahuan Proton.

Oleh kerana AP itu memabatkan sepupu kepada menantu Abdullah, maka susahlah Abdullah menyatakan bantahannya selain berdolak-dalik dengan kenyataan bahawa Proton memerlukan satu rakan niaga daripada luar negara.

**Abdullah sanggup membiarkan skandal AP mencemar pentadbirannya kerana sebarang tindakan beliau akan menggugat si menantu. Kerana itu dia berdolak-dalik, meminta setiap insan mematuhi undang-undang sedangkan ahli keluarga dan menteri-menteri beliau tidak mematuhi.**

Proton memerlukan rakan asing untuk terus bernafas. Abdullah berkata ini perlu supaya Proton lebih berkesan dan produktif. Proton memerlukan pasaran di luar negara dan ini bukan satu perkara mudah kerana jumlah keluarannya adalah terlalu kecil untuk mengeluarkan model baru setiap tahun.

Inilah yang disedari oleh Mahathir beberapa tahun dulu lagi, dan menyebabkan beberapa rakan-syarikat asing selepas Mitsubishi menarik diri. Mula-mula muncul Renault daripada Perancis. Proton Tiara menggunakan enjin Renault tetapi usahasama itu tidak pun berkekalan lama.

Kemudian muncul Volkswagen tetapi kerajaan tidak mahu melihat usahasama itu berjaya. Kerajaan telah membenarkan anak saudara Rafidah dan suami beliau menubuhkan satu syarikat ikosong di mana Rafidah menyalurkan AP yang secukupnya untuk meyakinkan Syarikat Volkswagen bahawa adalah baik ia berada di Malaysia tanpa pembabit Proton.

Lantas, Volkswagen membatalkan keazamannya untuk berusaha sama dengan Proton. Memang sudah lama Mahathir menyebutnya pada masa lalu betapa Proton telah menanggung kerugian disebabkan AP. Akan tetapi kerajaan pimpinan beliau yang menghalalkan edaran AP itu dan inilah yang menghalang Proton daripada mencapai kejayaannya.

Keputusan mengenai pengeluaran AP adalah satu keputusan politik dan menteri yang mengeluarkannya berbuat demikian kerana tujuan politik juga. Kerana itu beberapa orang ahli keluarganya pun turut menikmati keputusan itu. Sebagai seorang Perdana Menteri Mahathir tidak pula membantahnya.

Kini Mahathir tidak berkuasa lagi walaupun masih aktif berpolitik. Dia yakin seperti orang lain juga bahawa Abdullah mempunyai tanggapan bahawa sikap beliau berlegh-lengah dalam sesuatu tindakan akan menyelesaikan banyak masalah. Abdullah tidak mahu bertindak dan memang beliau hanya pandai berhehlah tetapi memang tidak cekap memerintah.

Abdullah terlalu taksib kepada menantunya seolah-olah dia adalah lebih penting daripada para penasihatnya. Si menantu ini bukannya ada memegang sebarang jawatan rasmi tetapi mampu meneliti dokumen rahsia negara.

Abdullah sanggup membiarkan skandal AP mencemar pentadbirannya kerana sebarang tindakan beliau akan menggugat si menantu. Kerana itu dia berdolak-dalik, meminta setiap insan mematuhi undang-undang sedangkan ahli keluarga dan menteri-menteri beliau tidak mematuhi. Dia terpaksa menutup sebelah mata melihatkan menteri-menteri lain melencungkan aset negara ke dalam akaun kementerian ataupun saku perseorangan untuk membolehkan si menantu menimbunkan harta karun. Khairy Jamaluddin kini dianggarkan bernilai RM500 juta akan terus kaya lagi apabila banyak lagi aset kerajaan yang dijual untuk kepentingannya.

Pada mulanya Proton ditubuhkan sebagai syarikat pembuat kereta dengan alasan kononnya untuk menjadikan orang Melayu tidak takut pada teknologi. Inilah yang paling

ditonjolkan ke hadapan untuk menukarkan Malaysia daripada sebuah negara pertanian kepada negara berteknologi.

Namun segala muslihat itu telah dilupakan sejurus Proton diwujudkan. Segala tindakan yang dibuat bukannya melambangkan idealisme yang dizahirkan pada mula, tetapi cara mana wang boleh disumbat untuk memenuhkan poket pegawai kerajaan.

Apabila orang politik sudah menjadi begitu korup, keseluruhan perkhidmatan awam menjadi pak turut sahaja. Memang sesiapa sahaja menerima habuannya dan kerana itu idealisme memberi ruang kepada wang haram. Inilah yang menular hingga melibatkan pelbagai dasar.

Cyberjaya diwarwarkan sebagai satu kejayaan kerana harga tanah yang tinggi tetapi bukanlah kerana asas penubuhannya sebagai pangkalan teknologi. Kerana itu tidaklah menghairankan kalau Proton hari ini dilayan sebagai seorang anak tiri sahaja. Tidak ada sesiapa, kecuali Mahathir, yang berminat dengan kejayaannya, kalaulah orang perseorangan tidak meraih keuntungan daripadanya.

Fantasi itu masih dkekalkan. Abdullah berkata bahawa Proton adalah satu ikon kebangsaan dan tidak akan membenarkan penguasaan majoriti bertukar kepada tangan persendirian.

Pentingkah itu kalau dasar dan tindakan kerajaan menyekat Proton daripada menjadi satu ikon nasional yang dibanggakan oleh rakyat Malaysia? Kini, baru kerajaan sedar betapa banyak dasar yang terdahulu memang haprak. Globalisasi yang amat ditekankan oleh Malaysia kini sudah mula membawa kesan pada negara ini.

-pillai@streamyx.com/Marhaen SK